




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 532 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 32,066 kes. Lima (5) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) kes di Daerah Papar dan satu (1) kes masing-masing di Daerah Putatan, Tawau dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 233 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 28,923 orang. Sejumlah 1,805 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 629 orang di hospital dan 1,176 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.
- 5 Jumlah kes yang tinggi hari ini berpunca dari saringan di dua (2) kluster iaitu, Kluster Rumah Merah di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal yang merekodkan sebanyak 150 kes dan Kluster Dbajaru di Daerah Lahad Datu mencatatkan 133 kes.
- 6 Daripada 532 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 326 kes (61.3%) adalah berpunca dari saringan kluster-kluster sedia ada, 127 kes (23.9%) dari saringan kontak rapat di 13 daerah, saringan bergejala 43 kes (8.1%), saringan komuniti 11 kes (2%) dan 25 kes (4.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,427 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,456 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.96%.

B. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI KEDAI MAKAN

- 1 Mengenai isu had pelanggan di **MEJA MAKAN**, Kerajaan Negeri masih mengekalkan SOP (*dine-in*) di restoran / kedai makan yang sedang berkuat kuasa iaitu:
 - i. Saiz meja dua (2) orang bagi meja empat (4) orang;
 - ii. Tiga (3) orang bagi meja enam (6) orang; dan
 - iii. Empat (4) orang bagi meja lapan (8) orang dan seterusnya dengan penjarakan fizikal 1 meter dan pematuhan SOP sektor makanan.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **293,718** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.03%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Semporna	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Lahad Datu	97%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Kunak	97%
19	Ranau	96%

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Semporna dan Tawau.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 110 lokasi di 17 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

F. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 23 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 188 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

11 Disember 2020